

31 DEC 2001

SOROTAN TAHUNAN-KORPORAT

2001 CATAT BANYAK PENYUSUNAN SEMULA KORPORAT

Oleh: Mohd Faizal Zakariah

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Sektor korporat tempatan mengharungi suasana yang tidak menentu pada 2001 di tengah-tengah langkah penyusunan semula untuk memanfaatkan jangkaan peningkatan ekonomi yang diterajui oleh AS pada separuh kedua 2002.

Pelbagai langkah yang telah disediakan mempamerkan keazaman pihak berkuasa untuk melihat sektor korporat tempatan yang kukuh dan dinamik dengan mengguna pakai tadbir urus korporat yang baik.

Hutang-hutang disusun semula, sumber dan pendapatan dikemaskan manakala pengurusan korporat disusun semula sepanjang program penggabungan dan pemilikan banyak syarikat-syarikat awam besar dan kecil.

Bagaimanapun, kebanyakan langkah penyusunan semula korporat ekoran krisis kewangan 1997 sedikit sebanyak terjejas akibat daripada serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lalu.

Pada masa yang sama, kerajaan terpaksa meningkatkan lagi campurtangannya dalam sektor korporat dengan melonggarkan syarat-syarat ketat bagi membantu pengurus-pengurus korporat bangkit semula dan memastikan syarikat-syarikat mereka meraih keuntungan semula.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, memasukkan dalam Belanjawan 2002 Budget lanjutan tempoh sehingga 31 Dis, 2002 bagi syarikat-syarikat tersenarai dengan kedudukan kewangan yang tidak memuaskan untuk mematuhi Syarat-Syarat Penyenaraian BSKL.

Selain itu syarikat-syarikat tersenarai juga diberi tempoh sehingga 31 Dis, 2002, bagi mematuhi syarat modal terbitan dan berbayar minimum sebanyak RM60 juta dan RM40 juta masing-masing bagi syarikat Papan Utama dan Papan Kedua.

Ketika ini 44 syarikat berdepan dengan risiko dikeluarkan daripada penyenaraian kerana mereka belum lagi mengambil tindakan yang perlu untuk membaiki kedudukan kewangan mereka seperti yang ditetapkan di bawah Syarat-Syarat Penyenaraian BSKL. Ia termasuklah Abrar Corporation Bhd, Actacorp Holdings Bhd, Arus Murni Corporation Bhd, Associated Kaolin Industries Bhd, Autoways Holdings Bhd, Berjantai Tin Dredging Bhd, Bescorp Industries Bhd, Bridgecon Holdings Bhd, Chase Perdana Bhd and Construction dan Supplies House Bhd.

Syarikat-syarikat lain yang turut berada dalam senarai adalah CSM Corporation Bhd, Dewina Bhd, Emico Holdings Bhd, Esprit Group Bhd, Geahin Engineering Bhd, Hai Ming Holdings Bhd, Jasatera Bhd, Kemayan Corporation Bhd, Kiara Emas Asia Industries Bhd, Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd, Malaysian General Investment Corporation Bhd, MBf Capital Bhd dan Measurex Corporation Bhd.

Manakala syarikat-syarikat selebihnya adalah MGR Corporation Bhd, Nauticalink Bhd, NCK Corporation Bhd, Omega Holdings Bhd, Parit Perak Holdings Bhd, Penas Corporation, Promet Bhd, Rekapacific Bhd, Repco Holdings Bhd, Seloga Holdings Bhd, Seng Hup Corporation Bhd, Southern Plastic Holdings Bhd, Techno Asia Holdings Bhd, The North Borneo Corporation Bhd, Timbermaster Industries Bhd, Transwater Corporation Bhd, Uniphoenix Corporation Bhd, United Chemical Industries Bhd, Wing Tiek Holdings Bhd, Woo Hing Brothers (Malaya) Bhd dan Zaitun Bhd.

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dan agensi pengurusan aset Danaharta Nasional Bhd kini mempunyai senjata yang lebih baik untuk menjalankan usaha-usaha pemulihan korporat ini. Pada Ogos, 2001, CDRC mengumumkan tarikh akhir 12 bulan bagi syarikat-syarikat untuk

menyelesaikan hutang RM29 juta di bawah naungannya, bermula dengan tempoh tiga bulan bagi bank-bank dan syarikat untuk memuktamadkan pelan resolusi mereka.

Satu daripada perkembangan yang paling mendapat perhatian pada 2001 adalah rancangan penyusunan semula United Engineers (M) Bhd. Hanya beberapa hari sahaja sebelum 2001 melabuhkan tirainya syarikat itu telah mengumumkan ia akan memotong hutang dalam Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd (PLUS), mewujudkan lima kumpulan perniagaan teras dan sebuah unit pembangunan korporat (CDU) dan menjual perniagaan bukan teras.

Perniagaan-perniagaan terasnya adalah lebuhraya, kejuruteraan dan pembinaan, perkhidmatan alam sekitar, penjagaan kesihatan dan hartanah. CDU, akan mewujudkan perniagaan dengan potensi jangka panjang.

UEM mahu menjual Cement Industries of Malaysia Bhd, Ho Hup Construction Company Bhd, Project Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA), Commerce Asset-Holdings Bhd, Crest Petroleum dan Park May.

Ia juga bercadang menyenaraikan PLUS di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada pertengahan-2002. Semua langkah ini dijangka membantu UEM kembali meraih keuntungan pada pertengahan-2002 selepas proses-proses penjualan dan disusuli penyenaian PLUS.

Pada akhir November 2001, CDRC mengumumkan kejayaan penyediaan fasa pertama skim penyusunan semula hutang bagi Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA).

Fasa pertama melibatkan hutang tertunggak anggaran RM5.5 bilion. Langkah penyusunan semula itu membabitkan pembelian hak pemberi pinjaman STAR and PUTRA berkaitan dengan pinjaman yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini oleh Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadan.

Pinjaman tertunggak itu berjumlah RM5.7 bilion sehingga 29 Nov, 2001. Bayaran pembelian itu akan dipenuhi menerusi penerbitan RM5.468 bilion bon bersiri kadar tetap oleh SPNB dijamin oleh kerajaan kepada pemberi pinjaman STAR dan PUTRA.

Bon-bon itu disediakan dalam empat bahagian. Bahagian pertama adalah tempoh lima tahun berjumlah RM546.815 juta pada kadar kupon 4.00 setahun manakala bahagian kedua adalah bon tujuh tahun berjumlah RM820.223 juta pada 4.55 peratus setahun.

Bahagian ketiga adalah bon 10-tahun sebanyak RM2.187 bilion pada 4.85 peratus setahun dan bahagian keempat sebanyak RM1.913 bilion dengan tempoh 15-tahun pada kadar kupon 5.40 peratus setahun.

Satu lagi unit Renong, Time Engineering Bhd, sedang meneruskan rundingan dengan kreditor-kreditor berhubung pembayaran semula bon selepas kumpulan itu gagal membayar AS\$162 juta yang dituntut oleh pemegang bon awal bulan ini. Kegagalan membayar bermakna pemegang bon boleh merampas aset yang dicagar terhadap bon itu.

Time Engineering menerbitkan AS\$250 juta bon denominasi dolar AS pada 1996 dan menyusun semula bon itu pada 1999 untuk ditebus semula dalam tiga bahagian tahun ini.

Selepas membuat penebusan bahagian pertama pada Februari, Time tidak dapat membuat bayaran AS\$82.3 juta bagi bahagian kedua yang dijadualkan pada 3 Ogos. Syarikat itu kemudiannya membuat bayaran sebahagian penebusan sebanyak AS\$5 juta tetapi gagal membayar AS\$84.8 juta yang ditetapkan pada 5 Dis bagi penebusan bahagian ketiga.

Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) juga tidak ketinggalan mendapat perhatian ramai. Ia mendedahkan pada 8 Okt, rancangan bagi penyusunan semula hutang dan penyusunan korporat bagi membayar hutang sebanyak RM567 juta yang ditanggung olehnya dan RM714 juta oleh Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3), anak syarikatnya.

Rancangan itu akan membolehkan MRCB mendapat faedah daripada perniagaan

media terasnya menerusi penyah-gabungan yang akan menyaksikan pembentukan sebuah syarikat baru (Newco). Rancangan hutang itu, yang menunggu kelulusan kreditor pada awal 2002, dijadualkan siap pada akhir Julai 2002.

Ianya akan dilaksanakan dalam empat peringkat dan melibatkan pertukaran saham dan terbitan 125 juta bon disertakan dengan 115 jura waran boleh cerai, 182 juta saham pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus (Iculs) dan 508 juta saham baru Newco bernilai RM 1.10. Sejumlah RM184 juta tunai akan dikumpulkan. -- BERNAMA

MFZ SHY ZK